



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 02/2026
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENYELARASAN PENGGUNAAN NAMA AWANG / DAYANG

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan perkenan melalui warkah Baginda bilangan: HHPO 87/1965/III bertarikh 14 Jun 2025 terhadap sokongan Majlis Mesyuarat Adat Istiadat seperti berikut:

- 1.1 Pangkal nama bagi keturunan Awang-Awang adalah diselaraskan menjadi 'Awang Haji' atau 'Dayang Hajah' dan tidak lagi disebut 'Haji Awang' atau 'Hajah Dayang';
 - 1.2 Tidak ada lagi perbezaan panggilan sama ada keturunan Awang-Awang ataupun bukan keturunan Awang-Awang; dan
 - 1.3 Penggunaan nama 'Awang' dan 'Dayang' adalah diteruskan kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sepertimana dalam Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan No. 6/1964 bertarikh 27 Februari 1964.
2. Oleh yang demikian, mana-mana individu yang berkeinginan untuk memasukkan perkataan 'Awang' dan 'Dayang' di pangkal namanya di dalam Surat Beranak atau Kad Pengenalan adalah dibenarkan.
3. Penyelarasan penggunaan pangkal nama 'Awang' dan 'Dayang' ini adalah berkuatkuasa mulai 14 Jun 2025.





-2-

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi, Berkualiti Ke Arah Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan"

[AJMAN BIN HAJI MELUDIN]
Setiausaha Tetap (Kastadbir Perkhidmatan Awam)

Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (2)JPM/SK/2026
Tarikh : 5 Syawal 1447
25 Mac 2026